

# UMP JADI PILIHAN TAWAR PROGRAM PENGAJIAN BERTARAF DUNIA

Pengaruh bangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam membina jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan Republik Persekutuan Jerman mampu melahirkan graduan berdaya saing. Model kerjasama akademik bagi program dwijazah Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif dengan Karlsruhe University of Applied Sciences (HsKA) serta program dwijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan Reutlingen University di Jerman dilihat sebagai contoh yang cemerlang kepada universiti lain di Malaysia.

Program dwi-jazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik UMP-HsKA kini masuk tahun keempat dan mampu melahirkan graduan yang dapat memenuhi pasaran pekerjaan. Program dilanjutkan dengan pelaksanaan program dwi-jazah dengan HsKA juga diperlusi dengan kerjasama dengan Reutlingen University dalam mewarangkan program kerjasama Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan.

Perniagaan dengan Kepujian yang pertama seumpamanya di negara ini.

Program dwijazah yang telah mula ditawarkan pada tahun ini membolehkan pelajar memperoleh ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan UMP dan ijazah Sarjana Muda Operasi Antarabangsa dan Pengurusan Logistik dari Reutlingen University apabila tamat pengajian nanti. Bidang yang berkaitan kerjaya ini antaranya adalah ekskulutif pengeluaran, juntera, perancang pembuatan, juntera proses kejuruteraan, juntera industri, ekskulutif logistik, ekskulutif rantaian pembekal, ekskulutif kualiti atau juruterma, ekskulutif projek, ekskulutif pembangunan perniagaan dan dalam bidang berkaitan perلوaran.

Dato Dr. Daing Nasir berkata, pelajar cemerlang yang memenuhi keperluan akademik berpeluang menyambung pengajian pada tahun ketiga dan keempat di Reutlingen University (RU). Profesor dari ESB Business School RU akan

menjadi sebahagian daripada tenaga pengajar di UMP bagi membolehkan pelajar mendapat pendekatan berkaitan teknologi kejuruteraan Jerman.

Penggunaan bahasa Jerman yang baik juga membolehkan pelajar berkhdmat dengan syarikat Jerman malah mereka akan mampu mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan pembiagaan dalam organisasi.

Begitu juga dengan jalinan kerjasama dengan Osnabrück University of Applied Sciences pada tahun ini bagi memacu kecermerlangan bidang akademik termasuk dalam hal-hal berkaitan pertukaran pelajar dan kaitan akademik, penerbitan bersama dan pengajuran persidangan yang berpusat kepada pencapaian universiti di persada antarabangsa.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, Bekas Duta Besar Jerman ke Malaysia, Dr. Günter Gruber banyak memainkan peranan penting dalam menjayakan inisiatif pengantarabangsaan UMP melalui kerjasama akademik tersebut dengan universiti di Jerman sepanjang tempoh perkhidmatannya di Malaysia dari tahun 2008 hingga 2013.

"Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdul Halim Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah yang merupakan Canselor UMP mengangguralkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Perniagaan) kepada Dr. Günter atas sumbangan beliau kepada universiti berseriema Majlis Konvokesyen UMP kali ke-10 baru-baru ini."

Bagi Dr. Günter, UMP telah mengambil langkah yang tepat melalui inisiatif kerjasama akademik dan industri dengan universiti-universiti dan syarikat-syarikat Jerman. Ini memberi faedah yang tidak sedikit kepada universiti ini melalui perkongsian pengalaman negara Jerman dalam bidang teknologi hijau, tenaga boleh diperbaharui dan teknologi hijau. Sistem Bersepadu Purata Gred Nilai

## Kumulatif (ICGP)

Dalam memenuhi keperluan industri dan melahirkan graduan holistik, bericih keusahawanan dan seimbang, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan sistem Purata Penilaian Gred Kumulatif Bersepadu (ICGP) yang bakal dilaksanakan di universiti ini. Pelaksanaan Sistem Profil

Pelajar (SPS) di universiti juga mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini yang memerlukan graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insani dan kemahiran interpersonal. Pelajar UMP juga dilakukan untuk menjalani latihan industri di luar negara sebagai pendekatan meningkatkan kebolehpasaran pelajar agar lebih berdaya saing. Sehingga kini seramai 66 pelajar yang telah menjalani latihan industri di luar negara antaranya di negara China, Jerman, India, Korea, United Kingdom, Arab Saudi dan Singapura. Selain itu juga sebanyak 875 peratus alumni UMP yang telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas bergraduasi.

## UMP TAWAR PROGRAM MBA BIOEKONOMI

UMP terus mengorak langkah ke hadapan dengan mewarangkan program Sarjana Pendididikan Perniagaan (MBA) secara luar kampus hasil kerjasama dengan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp). Program yang bakal dijalankan pihak UMP Advanced Education (UAE) secara luar kampus

SINAR HARIAN 24/10/2015 M/S 31



pada tahun hadapan merupakan usaha UMP dalam mempelbagaikan kaedah penawaran program akademik UMP terutamanya program-program di peringkat sarjana.

Program seumpama ini dapat

membuka peluang kepada mereka yang

berhasrat untuk menyambung pengajian

dalam bidang berkaitan.

Pembelajaran akan diadakan di Menara Atas, Kuala Lumpur ini bakal

memanfaatkan golongan yang berkarya

untuk menyambung pengajian mereka.

Program ini mampu melahirkan

graduan dalam bidang pengurusan

pentadbiran yang dapat memenuhi

keperluan sektor bioteknologi

Dijangkakan seramai 160,000 orang

diperlukan dalam bidang ini menjelang

2020 terutamanya dalam memenuhi

pembangunan industri bioteknologi

negara.

Selain itu katanya, negara



memandang serius dalam menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan semua rakyat negara ini. Bagi menyokong dasar pembelajaran sepanjang hayat, Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan liputan pembayaran pengajian melalui HRDF hingga ke peringkat siswazah supaya pihak majikan mendapat faedah daripada levi yang mereka sumbangkan dalam HRDF.

Jelajah Prof. Dato Dr. Daing Nasir, bagi meningkatkan daya saing ekonomi, produktiviti kakitangan perlu ditingkatkan menerusi penggunaan tenaga kerja secara cekap, peningkatan kemahiran dan pengetahuan serta keupayaan pengurusan di semua sektor ekonomi. Untuk itu, pelaksanaan program sarjana pertadbiran perniagaan secara sarjana pentadbiran akan melanjutkan secara luar kampus sudah pasti akan membantu dan menyumbang ke arah peningkatan daya saing ekonomi negara.

Strategi lautan bina UMP bersama ECERDC dalam membangunkan masyarakat luar bandar.

Kewujudan UMP menjadi pemangkin dalam merancakkan pembangunan di negeri Pahang bukan sahaja dalam menghadirkan bidang kejuruteraan universiti namun ianya sekaligus meningkatkan taraf hidup masyarakat, merangsang pertumbuhan ekonomi, memudahkan transformasi dan yang pastinya, tenusu memberi manfaat besar kepada penduduk setempat.

Begitu juga dengan Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) yang digunakan dalam pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan oleh UMP bersama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) mampu memberikan mereka peluang pekerjaan agar dapat memikmati taraf hidup yang lebih baik pada hari ini. Dengan sasaraninya terhadap penduduk luar bandar yang terdiri di kalangan golongan miskin tegar, wanita dan bella yang tinggal jauh dari bandar, usaha yang dijalankan empat tahun lalu kini mula menampakkan kejayaan hasil usahasama melibatkan kafardungan kerjasama erat antara UMP dan ECERDC ini.

Melalui kluster pendidikan yang diperkenalkan dalam Program Empower ECER juga mampu meningkatkan keharmonian dan masyarakat luar bandar terhadap nilai keusahawanan yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi terutamanya di kalangan peserta agropoliitan di Runcchang, Lebar dan Tangga Batu yang juga dikenali penduduk di sekitar Kuala Pahang.

Bersesuaian dengan kewujudan UMP yang terletak berhampiran dengan kawasan Zon Ekonomi Khas ECER, ianya turut menjadi penggerak terhadap pelaksanaan Program Empower ECER Mahkota Kuala Pahang yang dilihamkan sendiri Canselor UMP, Bebasahidul Yang Teramat Mulia.

Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah yang mensasarkan pembangunan akademik dan kemahiran khususnya di Mukim Kuala Pahang, lama kini dilihat semakin berkembang dan meluas ke beberapa lokasi sekitar daerah Pekan bernilai bahan tahun inti. Program yang dilaksanakan ECER dan UMP yang diterjemahkan melalui program khidmat komuniti ini menjadi median interaksi di antara warga UMP dengan masyarakat melibatkan beberapa projek yang diusahakan bersama pihak UMP Advanced Education (UAE).

Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan UMP ini juga mampu memtransformasi aras pencapaian sosio-ekonomi dan taraf hidup kumpulan sasaran yang terlibat dalam jangka masa panjang bagi meningkatkan motivasi, kehadiran dan pencapaian akademik pelajar serta menyumbang semangat mereka untuk memperbaiki kehidupan dengan lebih maju. Kewujudan UMP kini bukan sahaja diketahui dan dilihat perkembangannya malah lebih dirasai dan dimanfaat bersama penduduk setempat. Malahan, penglibatan pelajar dalam menjayakan inisiatif ini juga mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan yang akan memberi nilai tambah kepada pelajar dalam melahirkan graduan yang bersifat futuristik, berkembaran dan bertatasusila tinggi pada masa depan.